

08 JUN 2000

Mahathir-Pengkebumian/I

DR MAHATHIR HADIRI PENGKEBUMIAN OBUCHI

Oleh: Ghazemy Mahmud

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri pengkebumian Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi di Dewan Nippon Budokan di ibu negeri daerah Kudan, di sini.

Dr Mahathir merupakan antara ramai pemimpin dunia yang menghadiri pengkebumian Obuchi yang meninggal dunia pada 14 Mei lalu, selepas berada dalam keadaan nazak selama enam minggu akibat serangan angin ahmar.

Perdana Menteri selepas itu melakukan kunjungan hormat terhadap Yoshiro Mori yang menggantikan Obuchi sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir tiba di Jepun pada Rabu kerana lawatan kerja seminggu. Semasa berada di sini beliau juga dijangka menghadiri satu persidangan utama ekonomi dan meninjau teknologi terbaru untuk mengembangkan lagi industri-industri di Malaysia.

Persidangan Antarabangsa Nikkei Keenam yang disertai oleh beliau akan menggariskan strategi untuk mempercepatkan pemulihan Asia Timur daripada krisis kewangan 1997.

Para Pegawai Wisma Putra berkata, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapnama beliau esok bertema "Masa Depan Asia" di persidangan itu yang dianjurkan oleh kumpulan media Nihon Keizei Shimbun.

Turut hadir di persidangan dua hari itu yang bermula hari ini ialah Presiden Indonesia Abdur Rahman Wahid dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Dr Mahathir dijangka bertemu Gus Dur lewat petang ini.

-- BERNAMA

GM PR